

DR.M TAK PUASHATI

M. M. 10 SEP 1978

KUALA LUMPUR 9 Sept. — Unit Penyertaan Bumiputera akan kekal di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan ia akan disusun semula, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Menurutnya: "Saya fikir banyak perkara yang perlu dibuat dan saya tidak puashati dalam soal membahagi saham."

Ketika diminta mengulas laporan Utusan Malaysia yang mempertikaikan pembahagian saham yang diperuntukkan kepada bumiputera selepas mempengerusikan Perhimpunan Agung MIC di Dewan Bahasa di sini, beliau juga memberitahu para pemberita mengenai kurangnya jumlah bumiputera yang terdapat dalam Daftar Pelabur.

Utusan Malaysia dalam keluaran 15 Ogos lalu antara lain melaporkan rungutan orang ramai yang merasakan Unit Penyertaan Bumiputera sudah tidak wujud lagi kerana ramai orang yang sudah lama mendaftar tidak ditawarkan saham.

Selain daripada itu sistem pembahagian saham juga dipertikaikan dan mengesyorkan unit berkenaan menggunakan sistem undi yang dipercayai lebih adil.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Encik Ahmad Saadi dalam jawapannya kepada laporan berkenaan pula berkata:

"Daftar Pelabur-Pelabur Bumiputera yang dikendalikan oleh kementerian bukan sahaja masih wujud bahkan lebih aktif.

Katanya, bilangan mereka yang berdaftar dengannya — perseorangan, syarikat dan telah

OLEH ABDULLAH HASSAN

meningkat kepada jumlah 4,126 berbanding dengan 2,139 tahun lalu dan 1,819 tahun 1976.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata jumlah bumiputera yang mendaftar sangat berkurangan.

Menurutnya, hanya mereka yang tahu sahaja mengenai unit yang mengendalikan soal saham kepada bumiputera sahaja yang mendapat peluang tetapi mereka yang tidak mengetahuinya tidak dapat menikmati sama.

Beliau bagaimanapun

percaya sistem giliran sebagaimana yang dipraktikkan sekarang adalah lebih baik daripada sistem undi yang disyorkan, dan ianya perlu dikekalkan.

Berhubungan dengan cadangan supaya Unit Penyertaan Bumiputera (Bahagian Perindustrian yang mengendalikan Daftar Pelabur Bumiputera) dikendalikan oleh MARA, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata perkara tersebut tidak perlu.

Beliau menjelaskan MARA sendiri sedang disusun sekarang dan beberapa perusahaan

yang ada di bawah MARA itu juga akan dipindahkan.

Beliau menegaskan: "Saya tidak nampak MARA dapat menguruskan unit ini kerana Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mempunyai kaitan dengan industri pada keseluruhannya."

Ditanya mengenai kemungkinan unit berkenaan diletakkan di bawah Amanah Saham MARA yang juga mengendalikan soal-soal yang melibatkan pembelian saham, beliau menjelaskan Amanah Saham MARA tidak mempunyai hubungan dengan syarikat-syarikat lain.

"Unit Penyertaan Bumiputera perlu dikekalkan di bawah Kementerian Perdagangan kerana pihak kementerian mengambil tahu mengenai Akta Penyelesaian Perindustrian (ICA) dan lain-lain perkara lagi," tegasnya.

Mengenai kemungkinan kakitangan yang mengendalikan Unit Penyertaan Bumiputera (Daftar Pelabur-Pelabur Bumiputera) ditambah-

kan kerana Utusan Malaysia difahamkan kakitangannya adalah terhadap, Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan:

"Saya tidak setuju kerana tidak cukup kakitangan ditimbulkan. Soal staff tidak timbul kerana jika perlu kita boleh pakai komputer dan cara buat kerja boleh diubah."